

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

PDP 429 - Kaedah Mengajar Perdagangan dan Perakaunan II

Masa : [3 jam]

Jawab empat soalan sahaja.

1. Oleh kerana mata pelajaran Perdagangan dan Perakaunan mengandungi peristilahan dan konsep yang banyak, pelajar kadang-kadang sukar memahami isi sesuatu topik. Terangkan cara bagaimana guru dapat membantu pelajar untuk memahami isi apabila mereka diberikan tugasannya membaca.
[25 markah]

2. Apakah yang dimaksudkan dengan pembelajaran kooperatif? Huraikan secara ringkas matlamat-matlamat yang boleh dicapai melalui pembelajaran kooperatif. Terangkan dua aktiviti yang boleh digunakan sebagai aktiviti kumpulan.
[25 markah]

3. Guru yang kreatif boleh 'menubuhkan' sesebuah perusahaan atau perniagaan dalam bilik darjah (ICEE). Bagaimanakah pendekatan ini dapat membantu pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran perdagangan atau perakaunan?.
[25 markah]

4. Huraikan langkah-langkah pengajaran yang perlu dilaksanakan apabila anda mengajar topik Penyata Penyesuaian Bank.
[25 markah]

5. a) Pilih satu topik yang berkaitan dengan mata pelajaran perdagangan atau perakaunan dan sediakan satu Jadual Penentuan Ujian untuk mengenalpasti aspek yang akan diuji.

...2/-

- b) Tuliskan satu soalan ujian bertulis (esei) untuk mata pelajaran perdagangan atau satu soalan untuk ujian penyelesaian masalah untuk mata pelajaran perakaunan dan sediakan satu skema pemarkahan berserta dengan pembahagian markah.

[25 markah]

- 0000000 -